## HATI-HATI SEMUA! JANGAN TERJEBAK !!!

Seksyen 498 Kanun Keseksaan memperuntukkan, barang siapa memikat atau membawa pergi atau menahan isteri orang dengan niat jenayah, mereka telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum bawah seksyen tersebut. Oleh itu, pihak suami boleh membuat laporan polis untuk melaporkan kesalahan jenayah yang dilakukan oleh pihak ketiga.

Sebaliknya, bagi wanita yang memikat suami orang, tiada peruntukan undang-undang jenayah yang boleh mendakwa perempuan terbabit. Namun, ia menjadi satu kesalahan jenayah syariah bagi sesiapa yang menghasut suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan. Mangsa boleh merujuk kepada Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Negeri di negeri mangsa bermastautin.

